

BAB 5 : INOVASI DAN PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN

Penggunaan Teknologi Dalam Pendidikan

Definisi Teknologi Dalam Pendidikan

- ⦿ Davis (2001), Teknologi Maklumat dan Komunikasi merupakan kemahiran yang utama dan juga tema utama dalam era teknologi maklumat. Ia juga merupakan salah satu alat penting untuk memotivasikan pembelajaran. Perkembangan terkini dalam pendidikan telah memaparkan kepentingan TMK yang tidak harus diabaikan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran.
- ⦿ Menurut Syed Ismail dan Ahmad Subaki (2010), teknologi dalam pendidikan boleh ditakrifkan sebagai sebarang kaedah yang digunakan untuk memindah, menyebarkan dan memaparkan maklumat kepada murid.
- ⦿ Becker (1994) berpendapat bahawa penggunaan teknologi dan pengintegrasian ICT dalam kurikulum perlu diperkembangkan dalam kalangan guru supaya profesionalisme bidang pendidikan akan terus meningkat.

Peranan Dan Kepentingan Penggunaan Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan

- ⦿ Perkembangan profesional guru.
- ⦿ Menyunting bahan-bahan seperti audio, imej dan video yang akan diolah menjadi bahan atau sumber pengajaran yang menarik.
- ⦿ Memudahkan dan mempelbagaikan gaya pengajaran guru.
- ⦿ Membantu golongan yang memerlukan bantuan khas.
- ⦿ Melicinkan proses pengajaran dan pembelajaran kerana berfokuskan kepada isi-isi penting topik yang akan disampaikan.
- ⦿ Menjimatkan masa, tenaga dan wang.
- ⦿ Mengelakkan murid berasa bosan seterusnya mengekalkan minat untuk belajar.
- ⦿ Mengelakkan berlakunya tidak faham atau salah tafsir konsep melalui deria lihat, dengar dan sentuh.
- ⦿ Membetulkan sebarang kekeliruan kerana teknologi dalam pendidikan dapat memberi suatu gambaran yang jelas tentang sesuatu konsep dan kaitannya dengan kehidupan seharian.

Prinsip Teknologi Dalam Pendidikan

- ⦿ **Berfungsi sebagai bahan bantu mengajar dan tidak boleh digunakan untuk menggantikan pengajaran. Ia digunakan untuk membantu guru mengajar sesuatu topik dengan lebih berkesan.**
- ⦿ **Bahan teknologi mesti digunakan sebagai bahan pengajaran dan bukan untuk hiburan dan membuang masa.**
- ⦿ **Bahan hasil teknologi pendidikan haruslah sesuai dari segi topic dan objektif pelajaran, latar belakang murid, saiz kelas dan keadaan bilik darjah.**
- ⦿ **Digunakan mengikut masa yang sesuai dan selepas digunakan mudah untuk dialihkan agar tidak mengganggu sesi pengajaran dan pembelajaran seterusnya.**
- ⦿ **Bahan hasil teknologi pendidikan mesti dipamerkan selepas tamat sesi pengajaran untuk rujukan kelas di papan kenyataan kelas.**

Strategi Pengajaran Inovatif

Pengenalan

Dalam kepesatan pembangunan, guru berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya dalam memastikan pendidikan memenuhi hasrat arus perdana masa kini.

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru ialah menyesuaikan gaya pembelajaran murid dengan amalan pengajaran yang lebih cenderung kepada penggunaan teknologi maklumat dan bahan-bahan multimedia.

Gaya pembelajaran di dalam bilik darjah juga lebih tertumpu pada teknik pemusatan pelajar.


Oleh itu, amat penting bagi seseorang guru untuk mengetahui strategi pengajaran yang berinovasi bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Guru haruslah peka terhadap keperluan semasa agar dapat mengangkat martabat pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi dan selaras dengan kehendak pembangunan.

Guru perlu memperluaskan diri dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan agar segala cabaran yang datang dapat dihadapi dengan lebih bijaksana. Oleh itu, wajarlah bagi seorang guru untuk menimba lebih banyak ilmu serta menguasai kepakaran dan kecekapan dalam pelbagai bidang.

Perubahan yang ingin dilakukan mestilah seiring dengan sikap yang positif serta amalan yang berterusan.

Keperluan Inovasi Guru




Rajah 1: Keperluan inovasi guru

Gaya belajar seseorang adalah berbeza antara satu sama lain tanpa mengambil kira umur, latar belakang, status ekonomi atau kecerdasan IQ. Kenyataan ini selari dengan pendapat Wan Zahid (1993) yang menyarankan agar guru menyesuaikan pengajaran dengan gaya pembelajaran murid.

Guru haruslah bijak menggunakan kelebihan yang ada pada murid untuk mengoptimumkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Apabila kaedah pengajaran disesuaikan dengan gaya pembelajaran, murid akan berasa lebih seronok mengikuti pengajaran guru dan bersedia melibatkan diri secara aktif di dalam bilik darjah.

Ciri-Ciri Guru Berinovatif



Rajah 2: Ciri-ciri guru yang memiliki sikap inovatif

Murid akan berasa seronok untuk belajar sekiranya guru dapat memahami murid dan memberikan motivasi kepada mereka. Rajah Y menunjukkan ciri-ciri guru yang perlu untuk menjadi seorang yang berinovatif.

Inovatif membawa maksud kemampuan membuat transformasi atau mencipta sesuatu yang baharu sama ada dalam bentuk sumber atau kaedah yang relevan dengan perkembangan semasa ke arah penjanaaan dan perkembangan minda yang lebih dinamik.


Sistem pendidikan masa kini menuntut guru untuk lebih bersifat membimbing agar murid dapat mengaplikasikan bakat dan kebolehan mereka secara optimum seterusnya menyelesaikan masalah pembelajaran dengan lebih berkesan

Kelebihan dan kepakaran guru boleh diterjemahkan dalam bentuk pengajaran yang berunsurkan teknologi.

Guru yang pakar dalam bidang teknologi maklumat boleh melakukan inovasi dengan menghasilkan modul atau aplikasi pembelajaran menggunakan multimedia.

Usaha kreatif ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang baharu dan lebih menyeronokkan selain dapat melibatkan murid secara *hands on* dan *minds on* di dalam bilik darjah.

Keperluan Inovasi Guru



Mengenal & Menjiwai Ciri-Ciri Murid

Guru seharusnya memahami kehendak, tabiat, sikap, tingkah laku yang merangkumi aspek kekuatan dan kelemahan muridnya mengikut tahap umur masing-masing. Proses ini seharusnya berlaku apabila seseorang guru itu mula melangkah ke bilik darjah pada hari pertama dan dilakukan secara santai melalui proses komunikasi dua hala.

Strategi Pengajaran

Strategi pengajaran merangkumi pendekatan, teknik dan kaedah penyampaian. Pemilihan ini ada kaitannya dengan gaya belajar murid. murid yang bercirikan visual lebih berminat pada gambar, objek, video dan bahan dimensi (3D) dapat dilihat untuk memenuhi keperluan mereka dalam pembelajaran. Murid yang memiliki kecerdasan audio berminat pada bahan pengajaran yang mempunyai bunyi seperti muzik dan kesan bunyi-bunyian.

Kreatif dan Inovatif

Guru tidak seharusnya mengajar hanya berpandukan sukatan pelajaran serta bahan pengajaran semata-mata. Hal ini demikian kerana pengajaran yang disampaikan akan menjadi kurang berkesan sekiranya

tidak dapat difahami dan menjemukan murid. Oleh itu, guru perlu kreatif dan inovatif dalam penyampaianya. Guru hendaklah bertindak sebagai seorang pelakon yang bijak dan memainkan peranannya dalam pelbagai situasi untuk menarik minat murid ke arah penumpuan pelajaran. Penghasilan, penciptaan dan pengubahsuaian bahan serta corak pembelajaran menjadikan ianya lebih berinovasi.

Kecindan

Seseorang guru tidak semestinya garang dan tidak pula terlalu lembut terhadap muridnya. Murid lebih menggemari guru yang memiliki unsur-unsur kecindan dalam penyampaian. Unsur kecindan meliputi kata-kata atau perlakuan yang berunsur jenaka serta tidak keterlaluan yang bertujuan untuk menimbulkan rasa seronok serta menghilangkan tekanan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung

Daya Imajinasi Yang Tinggi

Daya imajinasi memainkan peranan yang penting dalam proses mencerna minda murid. Guru yang mempunyai daya imajinasi yang tinggi mampu membuka minda murid dan mengajak mereka berfikir di luar kotak dan merentas kurikulum di mana murid boleh memberikan pandangan serta pendapat seluas mungkin tanpa had. Melalui cara ini, murid akan dilatih untuk berfikir secara global dan akhirnya dapat mengaitkan dengan isu yang hendak diperbincangkan dalam isi pembelajaran.

Pemilihan Dan Pengaplikasian Media Pengajaran

Media pengajaran memainkan peranan yang penting dalam proses menjana minda murid. Media yang menarik boleh terdiri dari bahan yang berbentuk visual, audio, teks atau grafik. Media ini boleh digunakan sama ada mengikut klasifikasi masing-masing atau digabungkan dalam bentuk persembahan multimedia.

Dalam hal ini, guru haruslah mempunyai ilmu dalam bidang teknologi maklumat di mana ia memerlukan kemahiran mengaplikasikan media ini melalui perkakasan dan perisian komputer. Pemilihan media harus dilihat dari aspek kesesuaiannya untuk menepati hasil pembelajaran, kos yang efektif serta digunakan secara praktikal.

REKA BENTUK RESOS

RESOS

- ⊙ **Merupakan bahan / sumber pengajaran.**
- ⊙ **Terdiri daripada bahan sumber p&p sama ada**
dalam bentuk *web page, upload file* dan *link website*.

(Mohd. Kamal Mohd. Ali, 2009)

- ⊙ **Berkait rapat dengan Pembelajaran Masteri.**

⊙ **Pembelajaran Masteri**

satu set idea dan amalan pengajaran secara individu yang dapat membantu murid untuk belajar secara konsisten, menghasilkan pengajaran yang sistematik, membantu murid apabila menghadapi masalah pembelajaran dan peruntukan masa yang mencukupi untuk murid mencapai masteri dengan berpandukan kriteria masteri yang jelas. (Anderson & Block, 1975)

MERANCANG RESOS PENGAJARAN

- ⊙ Guru perlu memilih media yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran.
- ⊙ Media - sebarang cara fizikal yang membolehkan mesej pengajaran disampaikan. (Reiser & Gagne, 1983)
- ⊙ Media pengajaran - media yang membawa mesej tentang pengajaran. (Heinich, 2002)
 - Turut dikatakan sebagai audio visual dan bahan bahan yang berkaitan dengannya yang berfungsi dalam pelaksanaan sesuatu pengajaran.
- ⊙ Media pengajaran yang baik dapat mengatasi batasan ruang, waktu dan pancaindera, dapat menimbulkan minat, kefahaman penggunaan media pengajaran secara betul dan bervariasi serta dapat menyediakan pengalaman dan persepsi yang sama kepada semua murid.

REKA BENTUK RESOS PENGAJARAN

- ⊙ Suatu proses sistematik untuk mereka bentuk, membangun, melaksana, dan menilai bahan pengajaran.
- ⊙ Sains untuk mencipta spesifikasi resos pengajaran dengan terperinci untuk pengembangan, penilaian, dan penyelenggaraan suatu keadaan yang boleh memudahkan sesuatu unit pelajaran dengan berasaskan bahan yang digunakan.
- ⊙ Gustafon (1991)
 - Dibahagikan kepada 3 kumpulan:
 - model berorientasikan bilik darjah
 - model berorientasikan produk
 - model berorientasikan sistem.
- ⊙ Asas untuk membina reka bentuk resos pengajaran:
 - menentukan keperluan murid

- menentukan objektif & matlamat
- membina prosedur penilaian
- mereka bentuk & memilih strategi penyampaian
- mencuba sistem pengajaran
- menilai keseluruhan sistem
- ⊙ Model reka bentuk resos pengajaran berorientasikan bilik darjah:
 - reka bentuk pengajaran yang berskala kecil
 - tertumpu kepada perancangan bagi satu masa pengajaran sahaja
- ⊙ Guru perlu memikirkan bahawa penghasilan bahan akan menjadi pengajaran lebih berkesan semasa dalam perancangan mereka bentuk resos pengajaran.
- ⊙ Dapat melahirkan guru yang berkeyakinan,berkompeten & menepati masa.

MODEL ASSURE

- ⊙ Boleh digunakan untuk menyediakan panduan merancang dan mengendalikan pengajaran kerana model ini memerlukan penggunaan media.
(Heinich, 1982)
- ⊙ 6 perkara penting dalam model ASSURE:
 - i/ *Analyse learner* / analisis murid
 - ii/ Nyatakan objektif
 - iii/ Pilih kaedah, media dan bahan
 - iv/ Guna media dan bahan
 - v/ Penglibatan murid
 - vi/ Nilai dan semak

CIRI-CIRI REKA BENTUK RESOS

- ⊙ Menepati kurikulum (*Curriculum adequacy*)

- ⊙ Menepati arahan (*Instruction adequacy*)
- ⊙ Kos berpatutan (*Cost effectiveness*)
- ⊙ Hiasan berpada (*Cosmetic adequacy*)
- ⊙ Ketepatan teknik (*Technical adequacy*)

KEBAIKAN-KEBAIKAN RESOS

- ⊙ Menepati Kurikulum (*Curriculum adequacy*)
 - memenuhi tuntutan FPK
 - merangsang nilai, kemahiran, pengetahuan, dan bahasa merentasi kurikulum
 - konsisten dengan objektif p&p
 - kandungan yang tepat dan terkini
 - kandungan yang lebih berorientasi dan bercirikan tempatan
 - terbentuknya 'penilaian dalaman' (*built-in assessment*)

KEBAIKAN-KEBAIKAN RESOS

- ⊙ Menepati Arahan (*Instruction adequacy*)
 - mempertimbangkan keupayaan murid dan guru
 - sesuai untuk pelbagai persekitaran pembelajaran
 - pelaksanaan secara profesional
 - boleh disesuaikan dengan gaya pengajaran dan pembelajaran yang berbeza
- ⊙ Kos Berpatutan (*Cost effectiveness*)
 - pelaksanaan penilaian yang baik

- pemilihan dan penggunaan berdasarkan keberkesanan
- ⊙ Hiasan Berpada (*Cosmetic adequacy*)
 - kualiti grafik
 - kualiti video
 - kualiti animasi
 - kualiti suara dan bunyi
 - kualiti paparan
 - kualiti warna dan bentuk huruf
- ⊙ Ketepatan Teknik (*Technical adequacy*)
 - spesifikasi dan keperluan perkakasan yang jelas
 - program-program yang tiada kesilapan
 - manual bertulis dengan baik
 - mudah dicapai

Reka bentuk pentaksiran dan penilaian

PENTAKSIRAN

- ⊙ Berasal daripada perkataan Greek '*Assidere*' yang bermaksud '*Duduk di sisi*'.
- ⊙ Definisi 'pentaksiran': Perihal menaksir
- ⊙ Definisi 'taksir': kira, hitung, nilai

'Pentaksiran' dalam bidang pendidikan: Prosedur formal yang melibatkan pengumpulan, pentaksiran dan penggunaan maklumat untuk menentukan status pelajar dan membolehkan guru membuat keputusan keupayaan seseorang pelajar.

- ⊙ Merupakan satu proses pengumpulan maklumat tentang perkembangan dan kemajuan murid dengan menggunakan pelbagai kaedah.
- ⊙ Merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara berterusan.

- ⊙ Tujuan: mengenal pasti kecerdasan dan potensimurid bagi memperkukuh dan mempertingkatkan perkembangan mereka.
- ⊙ Hasil pentaksiran membolehkan guru mengambil tindakan susulan yang berkesan dan membantu guru mengembangkan potensi murid ke tahap optimum dalam domain kognitif, afektif dan psikomotor.
- ⊙ Guru boleh mereka bentuk pentaksiran bilik darjah yang boleh diklasifikasikan kepada:
 - pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*)
 - pentaksiran sebagai pembelajaran (*assessment as learning*)
 - pentaksiran kepada pembelajaran (*assessment of learning*)

Pentaksiran untuk Pembelajaran

- ⊙ Dijalankan untuk memastikan setiap murid memahami dan dapat menterjemahkan kehendaktugasan agar pendidik dan guru boleh menentukan apa yang boleh dibantu dalam meningkatkan prestasi murid.
- ⊙ Murid akan belajar secara bersendirian dengan cara mereka sendiri.
- ⊙ Pendidik dan guru akan menggunakan pentaksiran sebagai alat untuk memperolehi maklumat mengenai kemampuan dan kebolehan murid dan masalah kekeliruan atau kekurangan yang dihadapi.
- ⊙ Maklumat mengenai proses pembelajaran murid yang diperolehi pendidik dan guru akan menjadi asas bagi menentukan apakah yang perlu dilakukan untuk membolehkan murid maju ke tahap yang seterusnya.
- ⊙ Hasil maklum balas daripada murid akan dapat menentukan kumpulan, strategi arahan dan sumber yang dikehendaki.
- ⊙ Pentaksiran juga merupakan satu proses interaktif, dengan guru harus:
 - i/ mengimbangkan proses pengajaran dan pembelajaran
 - ii/ mengenal pasti keperluan pembelajaran tertentu murid atau kumpulan murid
 - iii/ memilih dan menyesuaikan bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran
 - iv/ mencipta strategi pengajaran yang berlainan dan peluang pembelajaran bagi membantu individu bergerak maju dalam pembelajaran
 - v/ menyediakan maklum balas dan arahan segera

- ⊙ Proses membentuk dan menyokong metakognisi (iaitu memikir atau mencari jawapan kepada pemikiran sendiri) bagi setiap murid.
- ⊙ Memberi fokus terhadap peranan murid sebagai penghubung yang kritikal antara pentaksiran dan pembelajaran.
- ⊙ Apabila murid bersifat aktif, terikat dengan pembelajaran dan pembelajaran, berupaya menjadi pentaksir yang kritikal, biasanya mereka memahami dan berupaya mengesan maklumat, menghubungkan maklumat kepada pengetahuan berkaitan dan menggunakannya untuk tujuan pembelajaran.
- ⊙ Juga merupakan sesuatu proses pengawalan metakognisi.
- ⊙ Murid memantau pembelajaran sendiri dan menggunakan maklum balas yang diperolehi untuk membuat pembetulan, penyesuaian, dan mungkin juga pertukaran dan perubahan dalam apa yang mereka fahami.
- ⊙ Guru perlu membantu dan membimbing murid untuk membina, mempraktik, dan berpuas hati dengan hasil refleksi serta analisa kritikal yang dijalankan murid sendiri.
- ⊙ Peranan guru dalam Pentaksiran sebagai Pembelajaran adalah seperti berikut:
 - a. memberi contoh dan mengajar kemahiran pentaksiran sendiri.
 - b. membimbing murid dalam menentukan matlamat dan memantau prestasi mereka.
 - c. menyediakan contoh-contoh amalan yang baik dan berkualiti yang melibatkan hasil kurikulum.
 - d. bekerjasama dengan murid untuk membentuk kriteria amalan yang baik dan jelas.
 - e. membimbing murid dalam membentuk maklum balas dalaman atau membina mekanisme pemantauan sendiri bagi mengesahkan dan menyoal pemikiran sendiri serta berpuas hati dengan kesamaran dan ketidaktentuan yang ketara dalam mempelajari perkara baharu.
 - f. menyediakan peluang berterusan dan yang mencabar untuk diamalkan, agar murid menjadi yakin dan bersifat pentaksir sendiri yang kompeten.
 - g. memantau proses metakognitif murid dan juga pembelajaran serta menyediakan maklum balas yang terperinci.

h. menyediakan persekitaran yang selamat bagi murid memperoleh peluang pembelajaran dan mendapat sokongan sepenuhnya daripada pihak sekolah atau pentadbiran.

⊙ **Berbentuk sumatif.**

⊙ Digunakan untuk memastikan apa yang diketahui dan apa yang boleh dilakukan oleh murid, mendemonstrasikan sama ada mereka berjaya mendapatkan atau memahami kehendak hasil kurikulum serta kebiasaannya, menunjukkan bagaimana mereka ditempatkan atau diletakkan dan dihubungkan dengan yang lain.

⊙ Pendidik bertanggungjawab dalam menyediakan laporan pembelajaran yang tepat dan adil, berdasarkan maklumat dan bukti yang diperolehi dari pelbagai konteks dan aplikasi.

⊙ Pentaksiran pembelajaran yang berkesan memerlukan guru menyediakan:

a. kaedah yang rasional bagi membolehkan pentaksiran kepada pembelajaran tertentudijalankan dengan betul pada masa yang tertentu.

b. kenyataan yang jelas bagi pembelajaran yang diinginkan.

c. proses yang membolehkan murid menunjukkan kemahiran dan kebolehan.

d. kadar mekanisme alternatif bagi mentaksir hasil yang sama.

e. penanda dan petunjuk am bagi membuat keputusan.

f. kaedah yang telus bagi pentaksiran.

g. deskripsi mengenai proses pentaksiran.

h. strategi bagi membina semula apabila berlakunya ketidaksehaluan dalam membuat keputusan.

Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK)

⊙ Dilaksanakan melalui penggabungan hasil pentaksiran berasaskan sekolah (pentaksiran sekolah) dengan pentaksiran dan peperiksaan pusat.

⊙ Pengenal secara meluas penggunaan ujian psikometrik dalam pengumpulan data dan maklumat tentang perkembangan dan pertumbuhan murid.

⊙ Merangkumi aspek penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum dan aspek lain berkaitan domain keinsanan dan sahsiah murid.

PADI

- ⊙ Akronim *Profile, Achievement, Development* dan *Involvement*.
- ⊙ Dimensi pertama:
 - membentuk profil psikometrik murid - merangkumi data berkenaan kecenderungan, sikap dan minat murid.
- ⊙ Dimensi kedua:
 - menyentuh aspek *Achievement* (pencapaian) dan *Development* (perkembangan) murid.
- ⊙ Dimensi ketiga:
 - penegasan kepada aspek *Involvement* (penglibatan) murid melalui aktiviti jasmani dan kokurikulum.

SPPK

- ⊙ SPPK mencadangkan 5 bentuk pentaksiran untuk melaksanakan konsep PADI:
 - a. Pentaksiran sekolah
 - b. Pentaksiran pusat
 - c. Peperiksaan pusat
 - d. Pentaksiran aktiviti jasmani dan kokurikulum
 - e. Ujian psikometrik

PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN

- ⊙ Merupakan satu proses pengumpulan maklumat tentang perkembangan dan kemajuan murid dengan menggunakan pelbagai kaedah.
- ⊙ Penilaian
 - tidak terhad kepada ujian dan peperiksaan
 - sebahagian daripada proses p&p
 - dijalankan secara berterusan
 - kekuatan dan kelemahan murid dapat dikenal pasti
- ⊙ 3 kaedah penilaian dan pentaksiran yang biasa dijalankan di sekolah:
 - a. pemerhatian

- b. lisan
- c. kerja bertulis
- ⊙ 2 proses pelaksanaan pentaksiran yang perlu dipertimbangkan oleh guru ketika mereka bentuk pentaksiran:
 - a. merancang
 - b. membina instrumen

PENILAIAN

- ⊙ Proses mengenal pasti, memperoleh dan menyediakan maklumat berguna bagi keputusan mempertimbangkan pilihan-pilihan yang ada (Stufflebeam, 1971).
- ⊙ Menentukan jurang perbezaan antara 'apa yang dihasilkan' dengan 'apa yang dihasratkan' daripada sesuatu program pendidikan.
- ⊙ Merupakan pertimbangan profesional iaitu proses yang membolehkan seseorang membuat keputusan.
- ⊙ Penilaian pendidikan membabitkan 2 unsur utama:
 - a. Kuantifikasi
 - menggunakan ujian bagi mengukur kewujudan bukti empirikal penguasaan murid dalam sesuatu kursus yang diajar.
 - b. Kualifikasi
 - menggunakan pertimbangan nilai terhadap bukti empirikal penguasaan murid bagi membuat keputusan sama ada objektif p&p dicapai atau tidak.
- ⊙ Terdapat 2 jenis penilaian:
 - a. Formatif - digunakan untuk mengesan kemajuan yang dicapai oleh murid dalam unit-unit pelajaran yang diajar.
 - dilakukan bagi memastikan murid telah menguasai setiap unit pelajaran sebelum mereka diperkenalkan dengan unit pelajaran baru.
 - dapat mengesan punca kelemahan murid.

- ⦿ Melalui reka bentuk pentaksiran dan penilaian, salah satu tanggungjawab guru adalah untuk menyediakan suasana pembelajaran yang boleh merangsang murid untuk menerima pembelajaran secara optimum.
- ⦿ Antara cara yang boleh digunakan termasuklah:
 - Menyediakan suasana saling menghormati dan ‘rapport’
 - Mewujudkan budaya pembelajaran dalam kalangan murid
 - Menguruskan prosedur bilik darjah
 - Menguruskan tingkah laku murid
 - Mengurus ruang fizikal

Sumber Rujukan

- ⦿ <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=pentaksiran>
- ⦿ Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⦿ Syed Ismail bin Syed Mustapa, Ahmad Subki bin Miskon. (2010). Guru dan Cabaran Semasa. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Terima Kasih

BNA OGOS 2011

